

02 JAN 1998

PENGGUNA (Fokus Berita)

KEMELESETAN EKONOMI DAN USAHA RINGKANKAN BEBAN PENGGUNA

Oleh: Roslina Atan

KUALA LUMPUR, 2 Jan. (Bernama) -- Kesan kenaikan mendadak harga pelbagai jenis barangan keperluan pada bulan-bulan terakhir tahun 1997 benar-benar dirasai pengguna di Malaysia yang sejak beberapa tahun lepas mewah berbelanja disebabkan kesuburan ekonomi negara.

Kenaikan harga yang semacam tidak ada penamat itu, khususnya bagi barang keperluan dapur yang berpunca daripada kejatuhan nilai ringgit, memaksa kerajaan mengajak rakyat berjimat-cermat dan menggunakan lebih banyak barangan tempatan.

Walaupun kerajaan sendiri tidak menyokong kenaikan harga barangan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ia tidak mempunyai rancangan untuk menyekat import kerana bahan-bahan makanan seperti gula, tepung dan beras terpaksa diimport disebabkan kurang atau tiadanya bekalan tempatan.

Penurunan nilai ringgit yang dialami negara sejak beberapa bulan lepas membebaskan pengimport yang menjalankan urusan menggunakan Dollar Amerika. Ini memaksa mereka meminta kerajaan membenarkan kenaikan harga bagi pelbagai barangan termasuk barangan terkawal.

Bagaimanapun, kerajaan telah menolak permintaan Persatuan Pekilang-pekilang Minyak Makan Malaysia untuk menaikkan harga minyak masak sehingga 30 peratus, walaupun Kementerian Perusahaan Utama telah mencadangkan agar harga runcit bagi minyak sawit tulen ditetapkan pada harga siling RM3.15 sekilogram dan RM3.65 sekilogram bagi minyak sawit campuran.

Menjelang akhir tahun lepas harga ayam mengalami turun naik sebanyak tiga kali sehingga akhirnya kabinet menetapkan bahawa kenaikan yang dibenarkan hanyalah 15 peratus, kurang 20 peratus daripada yang diminta oleh pengusaha-pengusaha dan penternak ayam.

Harga ladang baru bagi ayam ditetapkan pada RM3.05 sekilo manakala harga ayam sembelih di pasar-pasar borong tidak boleh melebihi RM4.90 sekilo.

Salah satu tindakan awal yang diambil oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Megat Junid Megat Ayub sebaik saja dilantik ke jawatan itu tahun lepas ialah mengkaji, dan kemudian menetapkan harga pengedar air mineral dan air suling yang bertujuan mengelakkan pengedar dari mengambil keuntungan berlipat kali ganda.

Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri itu menggantikan Datuk Abu Hassan Omar yang dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

Harga pengedar bagi sebotol air mineral 0.5 liter ditetapkan pada 70 sen dan RM1.20 bagi 1.5 liter manakala air suling pula ditetapkan pada harga 50 sen (0.5 liter) dan 80 sen (1.5 liter).

Bagaimanapun, dalam suasana ekonomi yang muram sekarang, semakin banyak peniaga telah tampil menunaikan tanggungjawab sosial mereka demi meringankan beban pengguna. Salah satu usaha yang telah ditonjolkan setakat ini dan wajar dicontohi serta dilaksanakan berterusan ialah kempen "Jualan Kembali Ke Sekolah", yang diadakan serentak di seluruh negara selama lima hari akhir tahun lepas.

Jualan seumpama itu membolehkan ibubapa dan penjaga membeli peralatan sekolah anak-anak mereka pada harga murah.

Selain itu kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mengkaji semula senarai barangan keperluan asas bagi mengawal harga barangan yang dulunya dianggap sebagai mewah tetapi kini menjadi keperluan asas pengguna juga

telah dilakukan.

Senarai baru itu, yang dijangka siap awal tahun ini, akan melibatkan pengkelasan semula barangan keperluan sesuai dengan kehendak semasa. Antara barangan terbabit ialah telefon bimbit.

Persiapan akhir ke arah penubuhan Majlis Hal Ehwal Pengguna Kebangsaan juga sedang giat dilakukan dan akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Majlis yang akan berfungsi merangka dasar untuk menangani isu-isu kepenggunaan yang rumit itu akan memastikan hak-hak pengguna di negara ini terus terpelihara, selain bertindak sebagai penghubung antara kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri dalam isu-isu kepenggunaan.

Demi kepentingan pengguna, pihak berkuasa juga akan memperhebatkan tindakan ke atas peniaga yang cuba mengambil kesempatan daripada kemelesetan ekonomi dengan melakukan pelbagai kesalahan seperti tidak mempamerkan lesen perniagaan, tidak meletakkan tanda harga, tidak mempunyai lesen perniagaan yang sah serta tidak mengesahkan alat timbang.

Tindakan itu wajar kerana dalam apa jua situasi penggunalah yang tetap menjadi mangsa, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana mereka terhimpit di tengah-tengah.

Ia juga sebahagian usaha ke arah memastikan rakyat Malaysia dapat menyambut Kongs Raya (Tahun Baru Cina dan Aidilfitri) akhir bulan ini dengan sempurna, walaupun tidak seceria tahun-tahun sebelum ini. -- Bernama

RA AM